

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (PRASARANA)

TARIKH: 20 OGOS 2017

MUKA SURAT: 05

1,000 unit rumah dua projek PPR dibina di Langkawi

[FOTO AMRAN HAMID/BH]



Najib melihat replika projek PPR selepas pelancaran majlis bersama rakyat di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), di Padang Matsirat, semalam.

Langkawi: Keperluan rakyat di pulau ini terhadap rumah mampu milik bakal dipenuhi dengan pembangunan dua projek perumahan rakyat (PPR), masing-masing di Ulu Melaka dan Kuah.

Sejumlah 1,000 unit kediaman disediakan menerusi dua projek itu yang dibangunkan dengan kos RM247 juta, yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam. Kedua-dua projek dijangka siap pada 2019.

Perdana Menteri berkata, dua PPR yang dibangunkan itu bukanlah berstatus projek politik, sebaliknya usaha prihatin kerajaan terhadap keperluan penduduk Langkawi.

"PPR ini sebaik siap kita akan melaksanakan konsep sewa beli, kerana kita tak mahu (penduduk) ada masalah untuk dapatkan pinjaman bank kerana sesetengah penduduk Langkawi tak ada slip gaji. Kita mahu pastikan semua 1,000 rumah PPR itu dimiliki selepas siap," katanya ketika berucap pada majlis bersama rakyat di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib turut melancarkan projek naik taraf jeti ne-

layan Kuala Chenang yang membatik kos RM9.1 juta menerusi peruntukan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk kemudahan 400 nelayan pantai.

Lancar inisiatif Digital Langkawi

Pada majlis berasingan Perdana Menteri melancarkan inisiatif Digital Langkawi yang merangkumi penyediaan pelbagai limpahan pembangunan melalui lima kluster yang merangkumi Ekonomi Pintar, Pelancangan Pintar, Komuniti Pintar, Persekitaran Pintar dan Keselamatan Pintar, sebagai usaha menjadikan Langkawi pulau digital pertama negara.

Beliau turut menyatakan komitmen untuk terus membangunkan Langkawi, malah statusnya sebagai pulau bebas cukai akan terus dipertahankan selagi UMNO dan Barisan Nasional (BN) memerintah.

Pada majlis berasingan, Najib turut merasmikan laluan penerbangan baharu Langkawi-Shenzhen yang disediakan AirAsia bermula 9 Ogos lalu, sebagai usaha melonjak potensi pulau ini sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.